

22 JUL 2003

Chirac-Penghormatan/I

CHIRAC KAGUMI DR MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN ULUNG

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Presiden Perancis Jacques Chirac hari ini memberi penghormatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang kata-kata dan tindakannya lahir daripada keikhlasan dan kebijaksanaannya.

"Adakalanya beliau amat lantang semasa memperkatakan tentang sesuatu tetapi ia selalunya berdasarkan campuran daripada perasaan hatinya dan apa yang dirasakan dalam pemikirannya. Dan inilah yang menjadikan beliau seorang yang ulung," katanya selepas menerima Anugerah Keamanan Dunia Kuala Lumpur daripada Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di sini.

"Jadi adalah amat bermakna sekali bagi saya untuk menerima anugerah ini daripada beliau sendiri," kata Chirac yang berada di sini untuk lawatan singkat ke Malaysia.

Pemimpin Perancis itu adalah dalam perjalanan ke New Caledonia sebelum Tahiti untuk menghadiri persidangan negara-negara Pasifik Selatan.

Dalam ucapan yang diterjemahkan, presiden itu berkata beliau mengenali Dr Mahathir sudah bertahun lamanya dan banyak belajar daripada perbincangan mereka yang selalunya berkisar kepada isu-isu keamanan dan menghormati orang lain.

Anugerah sulung itu diperkenalkan oleh Yayasan Keamanan Dunia Malaysia sebagai mengiktiraf dedikasi cemerlang Chirac terhadap resolusi keamanan dalam konflik antarabangsa, keberanian dalam mempertahankan prinsip dan komitmen terhadap kerjasama di kalangan negara-negara di dunia.

Sebelum penyampaian anugerah itu, kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan tertutup selama sejam.

Menyentuh senario dunia kini, Chirac berkata apa yang diperlukan sekarang ialah satu mekanisme yang boleh mengenyahkan unilateralisme kerana adalah penting untuk mewujudkan semangat multilateralisme.

"Kita tidak boleh menerima lagi, berdasarkan perubahan di dunia dan sikap penduduk, untuk melaksanakan undang-undang rimba," kata Chirac

yang  
merupakan seorang daripada penentang kuat pencerobohan Amerika  
Syarikat  
terhadap Iraq.

Beliau berkata suara setiap individu dan negara harus didengari  
kerana  
mereka ada sumbangan untuk diberikan ke arah menjadikan dunia yang  
lebih  
baik.

"Apa yang kita perlukan ialah satu sistem yang membolehkan  
suara-suara  
ini didengar supaya tiada seorang pun yang diketepikan, dipinggirkan  
atau  
diaibkan. Inilah, tanpa diragui lagi, asas kepada keamanan dunia,"  
katanya.

Chirac berkata dunia pastinya sudah mempunyai Pertubuhan Bangsa-  
bangsa  
Bersatu tetapi ia mungkin sebuah pertubuhan yang tidak sempurna.

"Ia boleh disusun semula, dipermodernkan dan dikemaskinikan.  
Bagaimanapun ia merupakan sebuah pertubuhan yang tidak dapat tidak,  
perlu  
ada," katanya.

Chirac berkata setiap orang perlu faham bahawa apabila sesuatu  
undang-undang itu diluluskan dan yang diputuskan oleh semua orang,  
ia patut  
meliputi setiap orang.

Semasa menerima anugerah itu, yang berupa sebuah trofi diperbuat  
daripada pewter Malaysia dalam bentuk dua ekor burung merpati,  
presiden itu  
berkata "hebat sekali".

Chirac mengucapkan terima kasih kepada yayasan itu yang  
memilihnya  
sebagai penerima pertama anugerah berkenaan yang diiringi dengan  
skrol  
istiadat.

Beliau kemudian berlepas ke Hotel Shangri-La, yang berdekatan,  
untuk  
menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri  
Abdullah  
Ahmad Badawi.

-- BERNAMA  
MAM SR RON